

**AL-ADILLAH AL-‘AQLIYYAH ‘ALā WUJūDI ‘LLāH: BAYNA AL-MUTAKALLIMiN WA AL-FALāSIFAH** oleh Dr. Sa‘īd ‘Abd al-Laṭīf Fūdah, Dār al-Iṣlāḥ, Kaherah, 2016. 481 halaman.

### **Pengenalan Pengarang**

Bagi mereka yang meminati dan berkecimpung secara serius dalam Ilmu Kalam dan Falsafah Islam, maka nama Shaykh Dr. Sa‘īd ‘Abd al-Laṭīf Fūdah begitu harum semerbak. Beliau adalah ulama muda yang merupakan di antara bintang Ilmu Kalam yang sedang bersinar pada masa kini. Aktiviti keilmuan beliau meneruskan tradisi keintelektualan *mutakallimun* Ahl as-Sunnah wa al-Jamā‘ah (ASWAJA) - Ash‘ariyyah dan Māturīdiyyah - yang telah berlangsung lebih daripada seribu tahun. Beliau sangat giat dalam mempertahankan akidah ASWAJA sehingga beliau disegani oleh kawan dan lawan.

Shaikh Sa‘īd Fūdah dilahirkan di bandar al-Karamah, Jordan pada tahun 1967. Ibu-bapanya berpindah dari Yafa, Palestin ke Jordan setelah pendudukan Zionis. Sejak dari usia mudanya iaitu kira-kira berumur 11 tahun beliau mempelajari ilmu agama. Di antara guru-guru beliau adalah Shaikh Ḥusayn al-Zuhayrī, Shaikh Sa‘īd al-Anbatawī, Shaikh Aḥmad al-Jamāl, Shaikh Dr. Nūḥ al-Qudāh, Mufti Jordan, Dr. Ibrāhīm al-Khalīfah, Shaikh ‘Abd al-Hādī al-Kharsah, Shaikh Adīb al-Kallās, Shaikh Dr. ‘Alī Jum‘ah, Shaikh Wahbī Sulayman Gahwjī, Shaikh ‘Abd al-Qādir al-‘Ānī dan ramai lagi. Mengenai riwayat, sanad dan ijazah beliau boleh kita rujuk daripada *Kitāb Ghāyat al-Rusūkh fī Mu‘jam al-Shuyūkh* tulisan Shaikh Husni Genting al-Langkati al-Azharī. Pengulas sendiri bersyukur kerana memperolehi ijazah periwayatan daripada Shaikh Sa‘īd setelah program beliau di Masjid Wilayah Persekutuan, KL, pada tahun 2015 yang lalu.

Dalam bidang akademik, beliau melanjutkan pengajiannya dalam bidang Ijazah Kejuruteraan Elektrik di Universiti Sains dan Teknologi Jordan. Selanjutnya beliau melanjutkan pengajiannya ke peringkat Sarjana dalam bidang Akidah di Universiti Jordan dengan tesis berjudul *Ibn Rushd dan Pandangan-pandangan Falsafahnya*. Beliau menyiapkan disertasi bagi Ijazah Kedoktoran dari Universiti al-‘Ulūm al-Islāmiyyah di ‘Amman, Jordan dengan judul *Dalil-dalil Rasional Bagi Kewujudan Allah Menurut Mutakallimun dan Ahli-ahli Falsafah*. Sepanjang penglibatan beliau dalam dunia ilmu, beliau telah menuliskan lebih daripada 80 buah karya terutamanya dalam bidang Akidah, Ilmu Kalam, Mantik, Falsafah dan Uṣūl al-Fiqh.

Beliau aktif menyelenggara laman forumnya, *Muntadā al-Aṣlayn*. Kelas-kelas Ilmu Kalam dan Falsafah Islam beliau dapat diikuti dengan mudah di laman YouTube yang membahaskan karya-karya *turāth* Kalam dan juga perhatian khusus beliau pada persoalan epistemologi. Secara peribadi, pengulas sempat bertemu mata dan mengikuti program-program beliau semasa di Malaysia pada 2015 dan 2016 baru-baru ini semasa The 1<sup>st</sup> Kuala Lumpur International Kalam

Symposium (KLIK 2016) di Muzium Kesenian Islam, KL dan juga 2<sup>nd</sup> Workshop on Kalam Epistemology: Reason and Revelation in the Age of Extremes di IKIM, KL.

## Pengenalan Buku

*Al-Adillah al-'Aqliyyah 'alā Wujūdi 'Llāh: Bayna al-Mutakallimin wa al-Falasifah* dapatlah dianggap sebagai suatu usaha penting dalam pembangunan Ilmu Kalam baharu. Pada asalnya karya ini adalah disertasi Ijazah Kedoktoran Dr. Sa'īd Fūdah. Perbincangan utama karya ini adalah seperti yang tertera pada judulnya iaitu dalil-dalil rasional bagi membuktikan kewujudan Allah menurut para *mutakallimūn* dan ahli-ahli falsafah klasik dan moden.

Bagi membuktikan kewujudan Tuhan, terdapat empat dalil rasional yang masyhur dan terpenting yang sering digunakan oleh para *mutakallimūn* dan ahli-ahli falsafah Islam mahupun Barat, klasik mahupun moden dan kontemporari. Dalil-dalil itu ialah Dalil Kewujudan (*Ontological Argument*), Dalil Kemungkinan Wujud (*Argument From Contingency*), Dalil Kebaharuan Alam atau Dalil Kosmologi Kalam (*Kalam Cosmological Argument*), Dalil Teleologi (*Teleological Argument/Argument From Design*) dan Dalil Moral (*Moral Argument*). Melalui kajiannya ini, Shaykh Sa'īd Fūdah berusaha untuk menilai kekuatan dan keampuhan dalil-dalil yang digunakan dengan memanfaatkan kajian-kajian, hujah-hujah sokongan dan kritikan-kritikan yang pernah dilakukan oleh ahli-ahli falsafah dan para *mutakallimūn* daripada berbagai-bagai aliran pemikiran.

Walaupun pengarang menyatakan bahawa hasil karyanya ini seumpama pengenalan bagi bidang ini, namun pada pengamatan pengulas, karyanya ini adalah sukar bagi para pembaca yang tidak memiliki asas-asas yang diperlukan dalam Ilmu Kalam, Falsafah dan Ilmu Mantik. Oleh kerana karya ini ditulis dalam bahasa Arab, maka capaian kepadanya terbatas kepada mereka yang benar-benar berkemampuan dalam bahasa Arab.

Di sini dapatlah kami simpulkan bahawa, karya ini walau bersifat 'pengenalan', tetapi ia adalah tulisan yang serius dan perlu dibaca dengan pemikiran yang serius. Mengapa kami katakan demikian? Kerana, karya ini benar-benar sebuah kajian yang dilakukan oleh seorang sarjana yang serius. Membaca karya ini memberi kesan kepada kita bahawa pengarang benar-benar berkeahlian tinggi dan memiliki wibawa ilmu yang sebenar. Keseriusan pengarang dalam melakukan kajian dapat dilihat pada bahan-bahan rujukan beliau yang terdiri daripada karya-karya klasik, moden dan kontemporari dalam bidang Ilmu Kalam dan Falsafah yang ditulis oleh para sarjana yang benar-benar berkeahlian dan berwibawa. Dukungannya kepada *manhaj mutakallimūn* tidak menghalangnya untuk melakukan ulangkaji pada *turāth* dengan pemikiran yang analitis kritis yang terpandu dan terpelihara oleh adab keilmuan. Malah beliau bersikap objektif dalam mengkaji sumber-sumber di luar tradisi Kalam dan Falsafah Islam terutamanya dari teologi dan falsafah Barat. Usaha Shaikh Dr. Sa'īd Fūdah ini dapatlah kita kategorikan sebagai usaha pembangunan Ilmu Kalam Baharu.

## **Kepentingan Karya**

Dalam mukadimah bukunya, beliau menjelaskan beberapa kepentingan kajian ini:

1. Menerangkan kepentingan pemerhatian dan menyelidiki dalil dalam masalah-masalah berkaitan akidah secara umum dan tentang kewujudan Allah secara khusus.
2. Mengetahui kedudukan dalil-dalil akliah dan naqliah bagi membuktikan kewujudan Tuhan.
3. Menelusuri dan meneliti berbagai-bagai pemikiran yang muncul serta menilai keselarasan dan pertentangan pemikiran-pemikiran itu dengan pemikiran Islam.
4. Menegaskan kepentingan untuk menelusuri pemikiran Kalam dan akidah serta perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian-kajian falsafah yang dapat memberi faedah kepada kaum Muslimin.
5. Berusaha mengambil faedah daripada kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana bukan Muslim serta melakukan perbandingan di antara ahli-ahli falsafah dan para *mutakallimūn* dahulu dan sekarang.
6. Menjelaskan kesan yang ditinggalkan oleh pandangan-pandangan falsafah dan aliran-aliran pemikiran semasa serta menjelas dampak yang diberikan kepada akidah.

## **Kandungan Buku**

Pengarang membincangkan dalil-dalil yang kami sebutkan sebelum ini dengan terperinci dengan memaparkan bentuk-bentuk eksposisi dalil, dukungan, bantahan dan kritikan terhadap setiap dalil itu. Pada kebiasaannya, pengarang akan memberikan komentar pada hujung setiap perbahasan. Pengarang membahagikan karyanya ini kepada enam fasal selain daripada Mukadimah dan Penutup. Setiap fasal akan dibahagikan kepada beberapa perbahasan kajian (*mabḥath*), manakala setiap topik perbahasan kajian itu dipecahkan pula kepada beberapa subjek (*matlab*). Berikut ini kami paparkan kandungan utama buku *al-Adillah* ini kerana ia dapat memberikan gambaran menyeluruh kepada para pembaca tentang perkara-perkara yang dibahaskannya:

### **1. Fasal Pertama: Konsep akal, dalil akli dan bahagian-bahagiannya.**

#### **1.1 Perbahasan (I): Konsep dalil dan bahagian-bahagiannya.**

1.1.1 Subjek (a): Konsep dalil.

1.1.2 Subjek (b): Perkara yang dapat diambil faedah daripada dalil dari sudut perkara yang berhubungan dan tahap-tahap kesabitan dalil.

- 1.1.3 Subjek (c): Pembahagian jalan yang menyampaikan subjek kepada objek pengetahuan kepada *dalīl* dan *mu'arrif*.
  - 1.1.4 Subjek (d): Pembahagian dalil kepada *inniy* dan *limmiy*.
  - 1.1.5 Subjek (e): Pembahagian dalil kepada akli dan naqli.
  - 1.1.6 Subjek (f): Subjek-subjek yang dicari dengan dalil-dalil.
- 1.2 Perbahasan (II): Konsep akal.
- 1.2.1 Subjek (a): Makna akal menurut bahasa.
  - 1.2.2 Subjek (b): Makna akal menurut istilah.
- 1.3 Perbahasan (III): Rukun-rukun dalil akli dan syarat-syaratnya.
- 1.4 Perbahasan (IV): Premis-premis dalil: yang putus dan tidak putus.
- 1.4.1 Subjek (a): Premis yang putus (*qat'iyah*).
  - 1.4.2 Subjek (b): Premis yang tidak putus (*ghayr qat'iyah*).
- 1.5 Perbahasan (V): Para pendukung dan penentang bagi dalil-dalil akli bagi kewujudan Tuhan.
- 1.5.1 Subjek (a): Klasifikasi secara universal berdasarkan kepada prinsip-prinsip dasar agama-agama.
  - 1.5.2 Subjek (b): Para pendukung penghujahan rasional bagi membuktikan kewujudan Tuhan serta asas-asas universal yang dipegang oleh mereka.
  - 1.5.3 Para penentang dan prinsip-prinsip besar mereka.

## **2. Fasal Kedua: Dalil Kewujudan (Ontologi)**

- 2.1 Perbahasan (I): Konsep Dalil Ontologi serta fasa-fasa perkembangannya.
- 2.1.1 Subjek (a): Mafhum Dalil Ontologi.
  - 2.1.2 Subjek (b): Fasa-fasa perkembangan sejarah Dalil Ontologi di sisi ahli-ahli falsafah dan para pemikir.
- 2.2 Perbahasan (II): Pemaparan Dalil Ontologi bagi membuktikan kewujudan Tuhan.
- 2.2.1 Subjek (a): Penjelasan hujah St. Anselm bagi Dalil Ontologi.
  - 2.2.2 Subjek (b): Sebahagian sarjana yang menerima pengaruh metode St. Anselm.
- 2.3 Perbahasan (III): Bantahan-bantahan terhadap Dalil Ontologi.

- 2.3.1 Subjek (a): Bantahan Gaunillon.
- 2.3.2 Subjek (b): Bantahan St. Thomas Aquinas.
- 2.3.3 Subjek (c): Bantahan oleh sebahagian ahli-ahli falsafah kurun ke 17.
- 2.3.4 Subjek (d): Bantahan skeptik Pierre Gassendi.
- 2.3.5 Subjek (e): Bantahan Leibniz serta perbahasan tentang saranannya bagi Dalil Ontologi.
- 2.3.6 Subjek (f): Kesimpulan bagi penghasilan David Hume ke atas Dalil Ontologi.
- 2.3.7 Subjek (g): Kritikan Immanuel Kant terhadap Dalil Ontologi.
- 2.3.8 Subjek (h): Bantahan Shaikh Mustafā Şabrī.
- 2.3.9 Subjek (i): Bantahan Jawād al-Amulī.

2.4 Perbahasan (IV): Dalil Ontologi menurut Alvin Platinga.

2.5 Perbahasan (V): Adakah *Burhān al-Şiddiqīn* berlangsung menurut jalan ontologis?

### **3 Fasal Ketiga: Dalil Kemungkinan dan Kemestian Wujud (*al-Imkan wa al-Wujud*).**

3.1 Pendahuluan.

3.2 Perbahasan (I): Konsep Kemungkinan Wujud dan Kemestian Wujud.

3.3 Perbahasan (II): Dalil Kemungkinan Wujud menurut ahli-ahli falsafah.

- 3.3.1 Subjek (a): Dalil Kemestian menurut Plato dan Aristotle.
- 3.3.2 Subjek (b): Pemaparan dalil menurut al-Fārābī.
- 3.3.3 Subjek (c): Pemaparan dalil menurut Ibn Sīnā.
- 3.3.4 Subjek (d): Pemaparan dalil menurut Athīr al-Dīn al-Abharī.

3.4 Perbahasan (III): Pemaparan Dalil di sisi *Mutakallimūn*.

- 3.4.1 Subjek (a): Dalil menurut ‘Aḍud al-Dīn al-’Ījī.
- 3.4.2 Subjek (b): Dalil Kemungkinan dan Kemestian dalam *Kitab Tajrīd al-I’tiqād* dan para pensyarahnya.

3.5 Perbahasan (IV): Dalil ahli-ahli falsafah di antara al-Ghazzālī dan Ibn Rushd.

3.6 Perbahasan (V): Bukti kemungkinan dan kemestian wujud menurut ahli-ahli falsafah Barat.

- 3.6.1 Subjek (a): Jalan pendalilan kosmologis menurut Thomas Aquinas.

- 3.6.2 Subjek (b): Dalil Descartes bahawa kewujudan Tuhan adalah sebab bagi wujudnya pemikiran dalam diri tentang peri kewujudannya.
- 3.6.3 Subjek (c): Penghujahan Leibniz bagi kewujudan Tuhan.

3.7 Perbahasan (VI): Perbincangan kajian-kajian ahli-ahli falsafah dan para pemikir moden dan semasa.

- 3.7.1 Subjek (a): Alam ada begitu sahaja.
- 3.7.2 Subjek (b): Menjelaskan kejadian yang partikular sahaja sudah memadai.
- 3.7.3 Subjek (c): Prinsip Ketersebaban adalah meragukan.
- 3.7.4 Subjek (d): Natijah bagi premis-premis adalah kontradiktif pada dirinya.
- 3.7.5 Subjek (e): Ketidacukupan dalil bagi mensabitkan tujuan: Tuhan tertentu.
- 3.7.6 Subjek (f): Alam ini sebagai sekumpulan besar perkara-perkara yang mungkin tidak dapat diterangkan perihalnya.

3.8 Komentari

#### 4 Fasal Keempat: Dalil Kebaharuan Alam/Dalil Kosmologi Kalam.

4.1 Perbahasan (I): Pemaparan dalil di sisi *mutakallimūn*.

- 4.1.1 Subjek (a): Jalan-jalan universal yang menunjukkan kewujudan Tuhan melalui kebaharuan alam.
- 4.1.2 Subjek (b): Kesungguhan para *mutakallimūn* terdahulu pada dalil ini.

4.2 Perbahasan (II): Kajian-kajian *mutakallimūn* yang mutakhir tentang prinsip-prinsip dan premis-premis Dalil Kebaharuan Alam.

- 4.2.1 Subjek (a): Kesamaran sekitar persoalan tempoh sebelum penciptaan alam.
- 4.2.2 Subjek (b): Mengapa tabiat bukan pelaku bagi alam?
- 4.2.3 Subjek (c): Perkara yang baharu tidak menjadikan dirinya sendiri.
- 4.2.4 Subjek (d): *'Illah* bagi keberhajatan adalah kemungkinan.
- 4.2.5 Subjek (e): Menafikan *Dawr*.
- 4.2.6 Subjek (f): *'Illah* yang memberi bekas mesti ada ketika adanya ma'lul.
- 4.2.7 Subjek (g): Membatalkan *Tasalsul*:

- Bukti pertama
- Bukti kedua: Bukti *Tatbīq*

- Bukti ketiga: Bukti *'Arshī*
- Bukti keempat: Bukti *Tadāyuf*.
- Bukti kelima

4.3 Perbahasan (III): Usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dari kalangan ahli-ahli falsafah Barat pada prinsip-prinsip dasar Dalil Kebaharuan Alam.

4.3.1 Subjek (a): Perkembangan sejarah bagi prinsip-prinsip Dalil ini.

4.3.2 Subjek (b): Asas-asas bagi Dalil-dalil Kosmologis.

4.3.3 Subjek (c): Pemaparan Dalil Kosmologi Kalam di sisi orang-orang Barat:

- Perbahasan tentang Premis Pertama.
- Perbahasan tentang Premis Kedua.

4.4 Perbahasan (IV): Hujah Kosmologis Induktif menurut Richard Swinburne.

4.5 Komentari

## **5 Fasal Kelima: Dalil Teleologi.**

5.1 Pengenalan.

5.2 Perbahasan (I): Pendalilan berdasarkan kepada rekabentuk, keteraturan dan penjagaan alam menurut *mutakallimūn*.

5.3 Perbahasan II2): Menyatakan pandangan-pandangan ahli-ahli falsafah Tentang penjagaan dan tujuan kejadian alam.

- Plato dan Aristotle.
- Al-Kindī.
- Ibn Sīnā.
- Ibn Mulkā al-Baghdādī.
- Ibn Rushd.
- Thomas Aquinas.
- Leibniz.
- Kant.

5.4 Subjek (c): Kajian-kajian Ahli-ahli falsafah Barat dan para penyelidik Dalil Keteraturan dan Rekabentuk Alam serta kajian terhadap kesamaran yang terdapat padanya.

5.4.1 Subjek (a): Tambahan-tambahan penting bagi Dalil.

5.4.2 Subjek (b): Sebahagian bantahan bagi Teori Rekabentuk Bestari  
(*Intelligent Design Theory*).

5.3 Komentari

## **6 Fasal Keenam: Dalil-dalil rasional praktis bagi membuktikan kewujudan Tuhan.**

6.1 Perbahasan (I): Dalil Moral.

6.1.1 Subjek (a): Penjelasan Dalil Moral.

6.1.2 Subjek (b): Dalil Moral Kant.

6.1.3 Subjek (c): Perbincangan tentang bantahan-bantahan terhadap  
Dalil Moral.

- Bantahan pertama: Bantahan golongan Skeptik.
- Bantahan kedua: Masalah Tuhan membenarkan wujudnya kejahatan.
- Bantahan ketiga: Akhlak tidak bersifat objektif akan tetapi subjektif.
- Bantahan keempat: Dilema Euthypro.

6.2 Perbahasan (II): Taruhan Pascal (*Pascal's Wager*).

6.2.1 Subjek (a): Penjelasan

6.2.2 Subjek (b): Perbincangan dalil Pascal.

- Bantahan pertama: Menzahirkan keimanan tanpa merealisasikan pada batin adalah kemunafikan. Justeru cara Pascal ini mengajarkan kemunafikan yang bertentangan dengan iman.
- Bantahan kedua: Menghendaki untuk mempercayai dan mengenakannya pada diri adalah mustahil.
- Bantahan ketiga: Berbilang-bilang agama.
- Bantahan keempat: Ketiadaan keyakinan bahawa balasan pahala tiada penghujungnya.
- Bantahan kelima: Penghasilan-penghasilan moral.

6.2.3 Subjek (c): Kritikan terhadap cara pendalilan Pascal dari sudut Ilmu  
Kalam.

6.3 Perbahasan (III): Dalil Pragmatik.

6.3.1 Subjek (a): Tabiat Dalil Pragmatik



### 6.3.2 Subjek (b): Pemaparan Hujah Pragmatik.

#### 6.4 Komentari

##### **Penutup**

Sedar atau pun tidak, sebenarnya terdapat kecenderungan yang semakin berkembang, khususnya di Barat, kepada meragukan kewujudan Tuhan. Malah, lebih membimbangkan lagi, apabila kecenderungan yang sama juga turut berkembang di negara-negara umat Islam. Suka pengulas memetik *posting* Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud dalam Facebooknya bertarikh 27 Mei 2016, tulis beliau, “Muslim paling ramai menjadi atheis? Sekitar 5 tahun lalu satu badan survei berprestij dunia WIN-Gallup International melakukan survei sikap keagamaan terhadap 50,000 laki-laki dan wanita dari 57 negara. Hampir 60 % mengaku mereka masih kuat beragama, sementara 23 % mengaku tidak kuat beragama, dan 13 % meyakini mereka atheis. China paling ramai mengaku atheis 47 %, diikuti Jepun 31%, Czech Rep 30% dan Perancis 29%. Yang agak mengejutkan ialah yg meyakini Atheis di Saudi Arabia 5% sedangkan Russia 6%, dan Serbia 5%., Turki 2 % dan Malaysia 0%. Yang sangat membimbangkan ialah di kalangan semua penganut agama di dunia, umat Islam dan Hindu yg paling ramai meyakini Atheis ie 3% berbanding Katolik dan Protestant 1%, dan Yahudi 2 %. Atheisme patut dikawal-rapi tetapi yang jauh bermasalah ialah trend dan amalan de-islamisasi dlm bentuk2 yg lain. Survei tidak semesti tepat atau benar tapi baik juga untuk diambil iktibar yg bermakna.”

Lantaran itu, dalam pandangan penulis karya ini hadir tepat pada masanya seiring dengan kemajuan berfikir masyarakat moden dan cabaran yang dinamik terhadap akidah dan pemikiran umat beragama. Ia adalah karya wajib baca bagi para ahli akademik dan penuntut dalam bidang Usul al-Din, Kalam dan Falsafah.

##### **Mohd Nasir bin Mohd Tap**

Akademi Kajian Ketamadunan (AKK),  
Kolej Dar al-Hikmah, Kajang.